HADIAH

PERANCANGAN BAHASA MALAYSIA: DENGAN TUMPUAN KHUSUS KEPADA EJAAN RUMI

ISMAIL BIN DAHAMAN

Universiti Sains Malaysia
1987

PERANCANGAN BAHASA MALAYSIA: DENGAN TUMPUAN KHUSUS KEPADA EJAAN RUMI

oleh

ISMAIL BIN DAHAMAN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera

Mei 1987

... dipersembahkan kepada

ayahanda dan bondaku

yang tercinta

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya dan sangat terhutang budi kepada Profesor Abdullah Hassan, Penyelia, kerana bimbingan dan tunjuk ajar beliau yang sangat berharga kepada saya semasa menyediakan tesis ini. Terima kasih juga ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Mahindar Santokh Singh, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Ucapan terima kasih khusus saya tujukan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, istimewanya kepada Ketua Pengarah, Y. Bhg. Datuk Haji Hassan bin Ahmad, yang mengizinkan saya cuti belajar dan membuat penyelidikan ini. Tanpa bantuan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, tesis ini tidak mungkin dapat dihasilkan. Tidak lupa juga dirakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Khalid bin Mohd. Hussein, Pengarah Perancangan Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka, yang menyokong dan menggalakkan saya membuat penelitian tentang ejaan Rumi bahasa Malaysia.

Kepada rakan-rakan sejawat di Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya Puan Zaharah Abdul Ghaffur, Encik Ghazali, Puan Rohani Zainal Abidin serta pegawai dan kaki-tangan di Cawangan Penyelidikan dan Pelaksanaan Bahasa,

saya ucapkan terima kasih atas bantuan dan kerjasama yang baik kepada saya dalam menyediakan tesis ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang membantu saya dalam menjayakan penyediaan tesis ini. Segala jasa baik yang diberikan akan dikenang sepanjang hayat dan hanya Allah jualah yang dapat membalasnya.

PERANCANGAN BAHASA MALAYSIA:
DENGAN TUMPUAN KHUSUS KEPADA EJAAN RUMI

Senarai Rajah

Senarai Lambang

Abstrak

Abstract

BAHAGIAN I: TEORI PERANCANGAN BAHASA

1.1 Perancangan Bahasa

1.1.1 Pengenalan

1.1.2 Teori, Konsep, Istilah dan Definisi

1.1.3 Matlamat Perancangan Bahasa

1.1.4 Dimensi dan Pendekatan Perancangan Bahasa

1.1.5 Program dan Jenis Perancangan Bahasa

1.2 Perancangan Status Bahasa

1.2.1 Dasar Bahasa

1.2.2 Taraf Bahasa

1.2.3 Fungsi Bahasa

1.2.4 Pemilihan Bahasa

1.3 Perancangan Korpús Bahasa

1.3.1 Bahasa Standard

1.3.2 Kodifikasi dan Standardisasi

1.3.3 Peluasan dan Modernisasi

BAHAGIAN II: PERKEMBANGAN EJAAN MELAYU SEBELUM ABAD KEDUA PULUH

2.1 Pendahuluan: Sistem Bunyi Bahasa Melayu

2.2 Sistem Bunyi dan Tulisan Bahasa Melayu Kuno

2.3 Zaman Permulaan Perkembangan Tulisan Rumi (1511-1900)

2.3.1 Permulaan Tulisan Bahasa Melayu dengan Huruf Latin (Abad Ke-16 dan Ke-17)

2.3.1.1 Tulisan Rumi yang Pertama: Ejaan Rumi Kaedah Itali (1522)

2.3.1.2 Ejaan Rumi Kaedah Belanda: Glosari Belanda-Melayu (1595)

2.3.1.3 Ejaan Rumi Kaedah Belanda-Latin: Kamus Melayu-Latin-Melayu (1631)

2.4 Kaedah Ejaan Rumi menurut Sistem Ejaan Bahasa Inggeris Abad Ke-18 dan Ke-19

2.4.1 Ejaan Rumi Thomas Bowrey (1701)

2.4.2 Ejaan Rumi J. Howison (1800-1801)

2.4.3 Sistem Ejaan Rumi William Marsden (1812)

2.4.4 Transliterasi Jawi kepada Rumi

BAHAGIAN III: PERANCANGAN SISTEM EJAAN RUMI TAHUN 1900-1967

3.1 Perkembangan Ejaan Rumi di Tanah Melayu (1900-1959)

3.1.1 Ejaan Rumi Wilkinson (1904)

3.1.2 Sistem Ejaan Rumi Za'ba (1941)

3.1.3 Ejaan Rumi Fajar Asia (1943)

3.1.4 Ejaan Kongres (1956)

3.1.5 Ejaan Rumi PBMUM (1959)

3.2 Perkembangan Ejaan Rumi di Indonesia (1900-1959)

3.2.1 Ejaan Rumi Ch. van Ophuijsen (1901)

3.2.2 Sistem Ejaan Soewandi (1947)

3.2.3 Ejaan Pembaharuan Bahasa Indonesia (1957)

3.2.4 Ejaan Baru Bahasa Indonesia (1966)

3.3 Penyatuan Ejaan Rumi Bahasa Melayu dengan Bahasa Indonesia

3.3.1 Ejaan Melayu-Indonesia (Melindo) Tahun 1959

BAHAGIAN IV: SISTEM EJAAN RUMI BAHARU BAHASA MALAYSIA TAHUN 1972

4.1 Pendahuluan

4.2 Penggunaan Huruf

4.2.1 Abjad dan Huruf

4.2.2 Pelambangan Vokal

4.2.3 Pelambangan Diftong

4.2.4 Pelambangan Konsonan

4.3 Persukuan

4.4 Penulisan Kata Serapan

4.5 Penulisan Kata

4.5.1 Penulisan Kata Turunan

4.5.2 Penulisan Kata Depan

4.5.3 Penulisan Kata Ulang

4.5.4 Penulisan Kata anti Singkat

4.5.5 Penulisan Partikel

4.5.6 Penulisan Frasa dan Kata Majmuk

4.5.7 Penulisan Kata Sandang

4.6 Penulisan Angka dan Bilangan

4.7 Penulisan Huruf

4.8 Penulisan Nama Diri

4.9 Tanda Baca

4.10 Kesimpulan

BAHAGIAN V: RINGKASAN DAN PENUTUP

5.1 Pengenalan

5.2 Proses Standardisasi Ejaan Rumi

5.3 Pelambangan Sistem Keharmonian Vokal

5.4 Ejaan Rumi dan Sebutan Baku

5.5 Pelaksanaan dan Penilaian

5.6 Penutup

BIBLIOGRAFI

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Skema Dimensi Perancangan Bahasa

Rajah 2: Model Perancangan Bahasa oleh Haugen (1966)

Rajah 3: Model Perancangan Bahasa oleh Haugen (1969)

Rajah 4: Dasar Perlakuan terhadap Masalah Bahasa Neustupny (1970)

Rajah 5: Model 1 oleh Karam (1974)

Rajah 6: Model 2 oleh Karam (1974)

Rajah 7: Model oleh Joan Rubin (1971)

Rajah 8: Kesepadanan Masalah-Proses dalam Perancangan Bahasa menurut Neustupny tahun 1970 (Fishman 1974:79)

Rajah 9: Proses dan Keputusan daripada Proses Perancangan Bahasa (Fishman 1974:81)

Rajah 10: Model Haugen (1983:275)

Rajah 11: Ruang Lingkup Dasar Bahasa

Rajah 12: Ciri-ciri Bahasa Standard Garvin-Mathiot (1956) (Disesuaikan daripada Eastman 1983:154)

Rajah 13: Ruang Lingkup Prosedur Standardisasi

Rajah 14: Ruang Lingkup Perkembangan Fungsi

SENARAI LAMBANG

< >	Lambang bagi grafem, atau huruf, atau bentuk ejaan.
/ /	Lambang bagi fonem, atau alofon.
[ ]	Lambang bagi fonetik, atau sebutan.
>	Lambang bagi perubahan sesuatu bentuk kepada bentuk lain.
( )	Tanda kurung biasanya digunakan untuk menandakan ejaan Rumi baru yang mengiringi sesuatu bentuk ejaan lama yang sedang diperkatakan.
———	Garis bawah biasanya digunakan untuk huruf miring.

ABSTRAK

Ejaan Rumi yang kemaskini bagi bahasa Melaysia dan bahasa Indonesia yang digunakan sekarang ialah sistem ejaan baru bersama yang dirasmikan pada 16 Ogos 1972. Pelaksanaannya sebagai alat komunikasi bahasa dan penyampai ilmu adalah berjaya dan berkembang dengan sihat. Pelbagai golongan masyarakat menerimanya dengan baik dan menggunakannya dengan meluas dalam segala urusan penulisan dan penerbitan di Malaysia dan di Indonesia.

Sehingga kini, belum ada kajian atau penyelidikan yang menyeluruh dibuat tentang semua aspek perancangan korpus Sistem Ejaan Rumi bagi maksud standardisasi dan perancangan pelaksanaannya seterusnya.

Cadangan untuk menyediakan tesis ini adalah untuk tujuan-tujuan yang berikut:

i) menyediakan satu dokumentasi yang lengkap tentang perancangan korpus Sistem Ejaan Rumi dari awal hingga kini;

ii) mencari rumusan bagi pemantapan beberapa aspek pedoman ejaan dan pengejaan kata yang perlu dikaji semula, jika ada; dan

iii) mencadangkan strategi perancangan dan pelaksanaan penggunaannya untuk membantu pendidikan, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran ejaan Rumi dan sebutan baku.

Untuk melaksanakan keperluan yang tersebut di atas, tesis ini mencakup penelitian historis terhadap perkembangan ejaan Rumi daripada penggunaan huruf Latin yang pertama dalam abad ke-16 hingga kepada rumusan Sistem Ejaan Rumi Bersama tahun 1972. Matlamat tesis adalah untuk menentukan sama ada kaedah ejaan Rumi yang digunakan pada sesuatu zaman dalam sejarah perkembangannya itu dapat melambangkan sistem fonologi Melayu yang betul dan benar yang wujud pada masa itu.

Tesis ini dimulakan dengan pengenalan tentang teori perancangan bahasa (Bahagian I) dan aplikasinya yang sudah berkembang di negara-negara yang sedang membangun selama lebih kurang dua puluh tahun.

Dalam Bahagian II tentang perkembangan ejaan Melayu sebelum abad ke-20, tesis ini menelusur sistem bunyi dalam bahasa Melayu kuno abad ketujuh dan menghubungkannya dengan sistem bunyi dalam bahasa Melayu abad ke-16. Pelambangan bunyi-bunyi Melayu dengan huruf Latin (Rumi) dalam zaman awal ini dilakukan dengan meneliti dua kategori dokumen, iaitu (i) kamus dan daftar kata menurut kaedah bahasa Itali, Belanda dan Latin abad ke-16 dan ke-17, dan (ii) kamus dan tatabahasa yang disusun menurut kaedah bahasa Inggeris dalam abad ke-18 dan ke-19. Tumpuan kajian adalah kepada kaedah pelambangan bunyi-bunyi vokal dan sistem keharmonian vokal dalam bahasa Melayu.

Perancangan sistem ejaan Rumi di Malaysia dan di Indonesia secara berasingan yang bermula pada permulaan abad ke-20, dan usaha-usaha ke arah penyatuan ejaan bagi kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang bermula pada tahun 1940-an, diteliti dalam Bahagian III. Tumpuan penelitian adalah kepada usaha-usaha pelbagai pihak untuk mengadakan kaedah-kaedah pelambangan fonem dan penulisan kata yang praktis dan efisien bagi kedua-dua bahasa, dengan penekanan kepada sistem keharmonian vokal dan pelambangan konsonan sekunder.

Bahagian IV memuat penelitian tentang Sistem Ejaan Rumi Bersama tahun 1972 dengan pendekatan sama ada sistem tersebut lebih baik daripada ejaan lama yang digunakan di Malaysia (ejaan Za'ba tahun 1949) dan di Indonesia (ejaan Soewandi tahun 1947).

Penemuan penting daripada penelitian ini ialah bukti tentang wujudnya pola keharmonian vokal tertentu dalam sistem fonologi bahasa Melayu yang berlaku secara tetap (constant) sekurang-kurangnya bermula pada awal abad ke-16 hingga Sistem Ejaan Rumi Bersama tahun 1972 dilaksanakan. Sistem keharmonian vokal yang dimaksudkan itu ialah kehadiran bunyi [e] dan [o] pada suku kata akhir tertutup sekiranya suku kata praakhir mengandung vokal /a/, /i/, /u/ atau pepet, iaitu sistem bunyi menurut dialek Melayu Riau-Johor yang mendasari bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Kesimpulan ini dibuat berlandaskan perlakuan grafem dalam hampir kesemua tulisan dan sistem ejaan Rumi sebelum abad

ke-20 yang menggunakan <e> dan <o> pada suku kata akhir tertutup sebagai lambang bagi bunyi yang dimaksudkan. Di Malaysia, fonem /e/ dan /o/ pada posisi akhir tertutup yang mengikuti /a/, /i/, /u/ atau pepet yang hadir sebelumnya masih berlaku sebagai bunyi [e] dan [o], sedangkan Sistem Ejaan Rumi Bersama tahun 1972 melambangkannya dengan <i> dan <u> satu-persatu.

ABSTRACT

The current Romanised Spelling System being used for bahasa Malaysia and bahasa Indonesia is a recent development of a joint system inaugrated on the 16th. of August 1972. Its implementation as a medium of communication and dissemination of knowledge is a success and has since showed signs of a healthy development. It is accepted and used widely by the various sectors of the community.

Up to now, there is hardly any serious research on the various aspects of the corpus planning of the romanised spelling system as a whole, which will be useful for the planning of its implementation and standardisation strategies.

Hence this thesis, the objective of which are as follows:

i) to provide a complete documentation on the corpus planning of the Malay Romanised Spelling System from its early days until recently;

ii) to formulate, so as to stablise, the various aspects of the spelling system, if necessary; and

iii) to suggest its planning and implementation strategy in the teaching and learning processes of the spelling system and the standard pronounciation of the language.

To achieve the above aims, this thesis first examines historically, the development of the Romanised Spelling System from the time when it first used the Latin alphabet in the 16th century until the formulation of the Common Romanised Spelling System in 1972. The aim of this thesis is to show whether the romanised spelling that was being used in a specified period in its historical development symbolised the Malay phonological system that existed then.

Section I of this thesis covers the theoretical aspect of the language planning and its application in the various developing countries within this 20 years. Section II, which discusses the development of the Malay spelling system before the 20th. century, studies the phonetic system in its archiac form and relates it to the system of the 16th. century. The phonetic representation using the Latin alphabets in the early period is done by studying two categories of documents: (i) dictionaries and word lists, using the Italian, Dutch and Latin spelling system of the 16th. and 17th. century; and (ii) dictionaries and grammar as described according to the English language of the 18th. and 19th. century, the focus of attention being the representation of vowels and vowel harmony found in the Malay language.

In the early part of the 20th. century, the planning of the Romanised spelling system in Malaysia and in Indonesia took

separate course, and only in the 1940s, work was done to unify the two systems. This is examined in section III, focusing on the efforts undertaken by the various sectors to formulate a phonemic representation for a practical and efficient system for the two languages, emphasising on vocal harmony and the representation of secondary consonants.

Section IV studies the Common Romanised Spelling System of 1972 by comparing it to the former spelling systems being used by both countries Malaysia (Za'ba Spelling System, 1949) and Indonesia (Soewandi Spelling System, 1947).

This research proves that, in Malay, there exists vowel harmony, and its development has been constant for some time at least since the early 16th. century until the implementation of the Common Romanised Spelling System of 1972. The vowel harmony referred to is the occurance of [e] or [o] in the final closed syllable if the penultimate contains the vowel /a/, /i/, /u/ or schwa, i.e. the phonetic system based of the Johor-Riau dialect which forms the core of the Malay and Indonesian languages. This conclusion is based on the treatment of graphems found in most Malay Romanised writings and spellings before the 20th. century that used <e> and <o> in the final closed syllable. In Malaysia, the phonem /e/ and /o/ in its final close position, that follows /a/, /i/, /u/ or pepet, still exists as [e] and [o], while the Common Romanised Spelling System of 1972 present them by <i> and <u> respectively.

BAHAGIAN SATU

BAHAGIAN I

TEORI PERANCANGAN BAHASA

1.1 Perancangan Bahasa

1.1.1 Pengenalan

Perancangan Bahasa (PB) atau Language Planning adalah cabang sosiolinguistik yang melihat bahasa sebagai sumber sosial. Dengan demikian, bahasa memerlukan tindakan terancang untuk potensi kegunaanya yang penuh. PB diperlakukan melalui usaha-usaha bersama pihak berkuasa politik, pendidikan, ekonomi dan linguistik (Jernudd and Das Gupta 1971).

Bidang PB sebagai ilmu bermula sejak awal abad kedua puluh tetapi secara sedar usaha ini baru berusia lebih dua puluh tahun. Usaha perintis dalam penyelidikan PB adalah karya Einar Haugen yang berjudul Language and Immigration (1938) yang menganalisis bahasa orang-orang Norwegia yang menetap di Amerika. Penyelidikan Haugen memperlihatkan beberapa aspek penting yang kemudiannya diperluas dalam PB moden. Di antaranya:

(a) bahasa yang berpola (patterned language) selari dengan variasi sosial;

(b) sikap manusia terhadap perubahan bahasa terikat dengan faktor-faktor prestij;

(c) wujud dualisme linguistik (linguistic dualism);

(d) masalah-masalah bahasa timbul apabila struktur sosial menjadi lebih komplikated;

(e) pentingnya bahasa sebagai faktor bagi identiti etnik.

Pada tahun 1951, UNESCO menerbitkan laporan berjudul "The Use of Vernacular Languages in Education" yang menjadi maklumat penting dalam sejarah PB. Ada dua maklumat penting daripada laporan itu yang memandu kajian PB seterusnya, iaitu:

(a) definisi bagi sepuluh situasi atau fungsi bahasa yang berguna bagi pemilihan bahasa dalam masyarakat berbilang bahasa; dan

(b) kesimpulan tentang alasan-alasan perlunya pendidikan disediakan dalam bahasa ibunda (mother tongue).

Joan Rubin (1983:329-343) membuat suatu tinjauan tentang pencapaian dan kemajuan kajian PB, khususnya perancangan status, dalam tempoh sejak awal tahun 1970-an. Tinjauan Rubin memperlihatkan perubahan-perubahan yang banyak berlalu dalam perancangan status di Amerika, Kanada, Quebec, negeri-negeri Scandinavia dan Netherlands.

1.1.2 Teori, Konsep, Istilah dan Definisi

Karya Uriel Weinreich Languages in Contact tahun 1953 merupakan sumbangan yang penting dalam kemajuan PB. Penelitian Weinreich ini menekankan pentingnya menerangkan perkara-perkara yang berlaku apabila terjadi pertembungan di antara dua bahasa atau lebih. Weinreich adalah sarjana yang pertama sekali menggunakan istilah Language Planning (PB), iaitu sebagai satu judul seminar yang diberikan di Columbia University dalam tahun 1957 (Haugen 1966a:355). Kemudian, Einar Haugen meminjam istilah tersebut dan menggunakannya buat pertama kali dalam bidang kesarjanaan ini dalam satu kertas kerja yang dibentangkan kepada American Anthropological Association dalam bulan November 1958. Kertas kerja ini kemudiannya diterbitkan sebagai "Planning for a Standard Language in Modern Norway" dalam Anthropological Linguistics jilid 1:3 tahun 1959 halaman 8-21.

Sebelum Weinreich dan Haugen, sudah ada beberapa istilah yang digunakan oleh para sarjana yang berminat dalam bidang linguistik dan kegiatan yang kemudiannya dikenali dengan nama PB. Pada tahun 1951, Robert A. Hall Jr. (1951:15) menggunakan istilah glottopolitics untuk merujuk kepada kegiatan atau proses mengaplikasikan ilmu linguistik kepada dasar yang dianuti oleh kerajaan dalam menentukan cara-cara yang paling baik untuk mencapai keadaan dwibahasa di tempat-tempat yang menghadapi pertembungan kebudayaan.

Istilah language engineering pertama kali digunakan pada tahun 1956 oleh George P. Springer, iaitu apabila merujuk kepada ushaa-usaha grafisasi dan standardisasi untuk bahasa-bahasa semi-standard di Soviet Union. Istilah language engineering yang digunakan oleh Sutan Takdir Alisjahbana pada tahun 1961 adalah dimaksudkan untuk bimbingan yang sedar yang seharusnya diberikan kepada perkembangan bahasa dalam konteks perubahan-perubahan sosial, kebudayaan, dan teknologi yang lebih luas.

Istilah PB yang digunakan oleh Haugen (1959:8) sebagai hasil daripada pemerhatiannya terhadap perkembangan bahasa yang berlaku di Norwegia itu didefinisikan sebagai "the activity of preparing a normative orthography, grammar, and dictionary for the guidance of writers and speakers in a non-homogeneous speech community". Dengan definisi ini, Haugen berpendapat bahawa dalam praktis menerapkan pengetahuan linguistik, keputusan hendaklah dibuat dalam bentuk pemilihan-pemilihan di antara bentuk-bentuk linguistik yang ada.

Dua kesimpulan penting diperoleh daripada penelitian Haugen itu (1959:15):

i) Tekanan sosial untuk mengadakan perubahan linguistik dapat diwujudkan dan disalurkan melalui alat kerajaan; dan

ii) Dengan memberikan motivasi yang cukup, tulisan

dan bahasa lisan, seperti fenomena sosial yang lain, dapat dibimbing dan diubah dengan sengaja.

Konsep PB yang dibawa Haugen menjadi lebih matang dan jelas dalam tempoh 1964-1969, iaitu berdasarkan kajian-kajiannya, di antaranya, dalam Language Conflict and Language Planning: The Case of Modern Norwegian (1966a), Linguistics and Language Planning (1966b), serta Language Planning, Theory and Practice (1969a).

Bagi Haugen, PB adalah linguistik normatif atau linguistik preskriptif yang dianggap sebagai sejenis "pengurusan atau manipulasi bahasa" ("management or manipulation of language") (1966b:51). Perancangan merupakan kegiatan manusia yang timbul daripada keperluan untuk mencari penyelesaian terhadap sesuatu masalah. Dalam hal bahasa, PB diperlukan apabila timbul masalah bahasa, iaitu jika timbul sesuatu keadaaan linguistik yang tidak memuaskan bagi sesuatu masyarakat. Intisari PB bagi Haugen adalah "penggunaan pertimbangan dalam bentuk pemilihan yang dilakukan ke atas bentuk-bentuk linguistik yang ada" ("exercise of judgment in the form of choices among available linguistic forms") (52). Atau, dengan definisi yang lebih ringkas dan padat, PB adalah penilaian perubahan linguistik" ("the evaluation of linguistic change") (52). Dengan definisi ini, PB yang dikatakan "kegiatan menyediakan ejaan, tatabahasa dan kamus yang normatif" (1959) itu kemudiannya dianggap oleh Haugen sebagai salah satu

hasil PB, iaitu sebagai sebahagian daripada pelaksanaan keputus-an-keputusan yang dibuat oleh perancang bahasa. Haugen mengakui bahawa "the evaluation of lingistic change" (52) adalah selari dengan pendapat Punya Seloka Ray yang mengatakan bahawa linguis-tik preskriptif itu adalah "usaha menemukan pemikiran yang dapat dipertanggungjawabkan dalam membuat pemilihan atau sebaliknya ke atas pembaharuan-pembaharuan linguistik" ("the search of reasona-bleness in the discrimination of linguistic innovations") (Ray 1963:18). Dalam hubungan ini, PB bagi Haugen melibatkan "the deliberate direction of linguistic change" (1966a:297). Malah, ungkapan definisi "the evaluation of linguistic change" Haugen adalah sama dengan "the evaluation of linguistic innovation" yang digunakan oleh Ray (17-18).

Haugen tidak memperkatakan semua aspek pergerakan bahasa, tetapi memberikan penerangan yang utama tentang pembaha ruan-pembaharuan ejaan ("spelling reforms") dalam abad kedua puluh dan perbincangan-perbincangan yang menuju ke arahnya (1966a:2).

Definisi PB yang dikemukakan oleh Haugen "the evaluation of linguistic change" (1966b) dianggap oleh Jernudd dan Das Gupta (1971:197) sebagai sangat terbuka (open-ended). Definisi ini mungkin menganjurkan keengganan menyertakan skop untuk penciptaan satu set baru unsur-unsur linguistik yang dise-ngajakan, sungguhpun tafsiran definisi itu menyediakan kemungkin-

an penciptaan norma. Bagi Jernudd dan Das Gupta (1971:198), perancangan bermakna bahawa pembuat-pembuat keputusan memilih satu haluan keputusan yang memuaskan tetapi terbatas pada sumber-sumber yang terhad banyaknya, dan hanya untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa politik. Definisi ini menekankan "bahasa sebagai satu sumber" yang tertakluk kepada perancangan (196). Berdasarkan teori perancangan, Jernudd dan Das Gupta menganggap PB sebagai tingkahlaku membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah ("decision-making behavior for problem-solving") (Jernudd 1971:491). Bahasa menjadi satu objek perancangan masyarakat, bersama-sama dengan sumber-sumber yang lain. Masalah-masalah bahasa terdapat pada semua peringkat membuat keputusan -- individu, kumpulan atau nasional. Lojiknya PB kemudiannya ditetapkan oleh pengiktirafan bahasa sebagai satu sumber masyarakat dengan nilai-nilai komunikasi dan identifikasi. Teori PB dan teori Perlakuan Bahasa (Language Treatment) bagi Jernudd dan Das Gupta juga adalah suatu teori yang menerangkan saling perhubungan di antara faktor-faktor motivasi dan jenis-jenis membuat keputusan.

Rubin dan Jernudd (1971:xvi) mengemukakan definisi yang lebih kemaskini:

> "Language planning is deliberate language change; that is changes in the systems of language code or speaking or both that are planned by organizations that are established for such purposes or given a mandate to fulfill such purposes. As such, language planning is focused on problem-solving and is characterized by the

> formulation and evaluation of alternatives for solving language problems to find the best (or optimal, most efficient) decision."

Joan Rubin sendiri (1971:218) mengemukakan definisi yang lebih terbatas dengan melihat "perancangan" sebagai satu aktiviti yang dengannya matlamat-matlamat diwujudkan, kaedah-kaedah dipilih, dan hasil-hasil diramal dalam satu cara yang bersistem dan jelas. PB bertumpu kepada penyelesaian-penyelesaian terhadap masalah-masalah bahasa melalui keputusan-keputusan tentang matlamat-matlamat, kaedah-kaedah dan hasil-hasil yang dapat dipilih untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Definisi ini mempertimbangkan kenyataan tentang bahasa sebagai satu sumber yang tertakluk kepada perancangan (seperti yang dinyatakan oleh Jernudd dan Das Gupta 1971:196).

Valter Tauli mengemukakan definisi PB dalam dua tulisannya yang penting: Introduction to a Theory of Language Planning (1968) dan The Theory of Language Planning (1974). Tauli membezakan aktiviti-aktiviti PB daripada Teori PB. Tauli mendefinisikan Teori PB sebagai suatu ilmu yang dengan teratur menyelidik segala matlamat, prinsip, kaedah dan tektik PB. Manakala PB pula adalah kegiatan yang secara teratur mengawas dan memperbaiki bahasa-bahasa yang ada atau yang membentuk bahasa baru yang am yang merupakan bahasa serantau bahasa kebangsaan atau bahasa antarabangsa (1974:56).

1.1.3 Matlamat Perancangan Bahasa

Matlamat PB dapat dilihat daripada dua aspek utama, iaitu aspek masalah-masalah bahasa yang ada yang memerlukan penyelesaian status atau korpus; dan aspek aktiviti-aktiviti atau usaha-usaha pokok PB yang dilaksanakan oleh kerajaan atau agensi PB, ahli linguistik atau pihak bukan rasmi untuk menyelesaikan masalah-masalah linguistik dan sosiolinguistik yang ada. Oleh sebab matlamat PB ada hubungan dengan matlamat dalam perancangan bersepadu politik, ekonomi, sosial, dan budaya yang lain, yang ditangani oleh pihak berkuasa kerajaan, maka matlamat PB lebih banyak berupa cita-cita dan tujuan yang berlandaskan dasar bahasa dan taraf bahasa.

Matlamat perancangan status bahasa dapat dikategorikan kepada enam jenis tujuan seperti yang dihuraikan berikut ini.

Pertama, pembinaan kesatuan nasional dan identiti kebangsaan sebagaimana yang dicita-citakan oleh negara-negara yang sedang membangun.

Kedua, pembinaan sistem pengurusan dan pentadbiran negara yang efisien dengan menggunakan bahasa yang diterima umum sebagai alat komunikasi rasmi.

Ketiga, pewujudan dan pelaksanaan dasar dan sistem pendidikan negara yang menggunakan satu bahasa, iaitu bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi yang sama, sebagai bahasa pengantar.

Keempat, pembinaan masyarakat moden dan kebudayaan moden berlunaskan ilmu tinggi melalui penguasaan bahasa standard yang moden.

Kelima, pemeliharaan bahasa-bahasa dalam konteks multi-ligualisme dan penggunaan khusus.

Keenam, peningkatan dan peluasan kerjasama dan persefahaman antarabangsa melalui penggunaan bahasa yang sama.

1.1.4 Dimensi dan Pendekatan Perancangan Bahasa

Dalam teori dan amalan, PB dapat dikategorikan kepada tiga dimensi, iaitu

i) Perancangan untuk PB;

ii) Perancangan Status Bahasa; dan

iii) Perancangan Korpus Bahasa.

i) Perancangan untuk PB (Planning for Language Planning) menurut Karam (1974:112) adalah perancangan yang meliputi aspek-aspek ekonomi dalam PB dan juga aspek-aspek pengurusan yang lain. Perancangan ini berupa sebahagian daripada perancangan pembangunan negara pada keseluruhannya dan melibatkan keputusan tentang peruntukan belanjawan, jangka masa, sumber dan peralatan, tenaga manusia dan latihan bagi seluruh program PB. Biasaanya perancangan untuk PB dibuat oleh pihak berkuasa dalam pemerintahan yang bertanggungjawab juga dalam Perancangan Status Bahasa dan

perancangan pendidikan negara.

Dua dimensi lagi, iaitu Perancangan Status Bahasa dan Perancangan Korpus Bahasa, yang dikemukakan oleh Heinz Kloss (1969), dibuat untuk membezakan dua aspek asasi dalam PB, iaitu dengan melihat pada kedudukan atau taraf bahasa dalam negara dan pada korpus bahasa yang ada.

ii) Perancangan Status Bahasa atau Perancangan Taraf Bahasa adalah perancangan atau perubahan yang menentukan kedudukan sesuatu bahasa dalam hubungannya dengan bahasa-bahasa lain dalam negara multilingual atau dengan keperluan bahasa bagi kerajaan pusat. Perancangan ini bertujuan menentukan dasar bahasa; oleh itu, dinamakan juga Perancangan Dasar Bahasa (Language Policy Planning).

iii) Perancangan Korpus Bahasa (Language Corpus Planning) pula merujuk kepada perubahan-perubahan dalam struktur, perbendaharaan kata, morfologi, atau ejaan, malah kepada pengambilalihan sistem tulisan baru. Perancangan Korpus Bahasa tidak lain daripada pembinaan bahasa (language development) atau pembentukan bahasa (language formation) yang merangkum bidang-bidang grafisasi, kodifikasi, standardisasi, modernisasi, dan intelektualisasi, serta peluasan (elaboration).

Perbezaannya, Perancangan Status Bahasa merujuk kepada perubahan-perubahan linguistik yang berhubungan dengan peruntukan

fungsi-fungsi bahasa bagi sesuatu bahasa atau sesuatu neka (variety) bahasa dalam masyarakat bahasa tertentu, manakala Perancangan Korpus Bahasa pula merujuk kepada perubahan-perubahan linguistik yang berhubungan dengan struktur sesuatu bahasa atau neka bahasa (Cobarrubias 1983:42). Selain itu, Perancangan Status mendahului Perancangan Korpus.

Perancangan Dasar Bahasa, yang sejajar dengan Perancangan Status Bahasa, adalah pendekatan yang dikemukakan oleh Richard Noss (1971). Pendekatan ini membahagikan dasar bahasa kepada tiga jenis, iaitu (i) dasar bahasa rasmi (official language policy), (ii) dasar bahasa pendidikan (educational language policy), dan (iii) dasar bahasa am (general language policy).

Daripada sudut pendekatan juga, Einar Haugen (1966a:4, 12-15) mengemukakan tiga jenis PB, iaitu perancangan negatif, perancangan positif, dan perancangan bahasa rasmi (official language planning). (i) Perancangan negatif dimaksudkan penyediaan tatabahasa deskriptif yang menjadi warisan tanpa perubahan generasi demi generasi seperti yang dilakukan oleh Panini terhadap bahasa Sanskerta, atau kodifikasi bahasa setelah bahasa itu mati atau dalam keadaan statik. (ii) Perancangan positif adalah merujuk kepada PB dan kaedah-kaedah pelaksanaannya yang mula terdapat dengan luasnya dalam abad ke-19, iaitu perancangan seperti menyediakan sistem ejaan baru bagi bahasa-bahasa yang baru,

mengadakan aturan-aturan bahasa yang diajarkan di semua sekolah, menyediakan tatabahasa untuk penulis, atau mengubah bahasa tulisan tradisi. (iii) Perancangan bahasa rasmi pula dimaksudkan untuk kegiatan-kegiatan suruhanjaya atau jawatankuasa kepakaran zaman teknologi yang dilantik oleh kerajaan untuk mengerjakan program-program penyelidikan linguistik yang serius dan bertugas sebagai penasihat semata-mata. Kesimpulan daripada penelitian di atas dapat disimpulkan dengan skema seperti yang berikut:



Rajah 1: Skema Dimensi Perancangan Bahasa

1.1.5 Program dan Jenis Perancangan Bahasa

Program PB tidak lain daripada keseluruhan rancangan, tugas, aktiviti dan proses yang berlaku daripada analisis dan penilaian awal untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan hingga kepada analisis dan penilaian akhir terhadap matlamat dan hasil sebenar yang tercapai. Program PB pada umumnya merangkum semua aktiviti perancangan, pembinaan, pelaksanaan dan penilaian tentang sesuatu bahasa atau variasi bahasa. Di antara sarjana-sarjana linguistik dan sosiolinguistik yang mengemukakan pendekatan terhadap analisis program PB ialah Einar Haugen, Charles Ferguson, Jiri Neustupny, Francis Karam, dan Joan Rubin.

	Norm	Function
Society	1. selection	3. implementation
Language	2. codification	4. elaboration

Rajah 2: Model Perancangan Bahasa oleh Haugen (1966)

Haugen (1966c:933) mengemukakan satu model empat aspek bagi perkembangan bahasa yang mengandung (1) pemilihan norma, (2) kodifikasi norma, (3) pelaksanaan fungsi, dan (4) peluasan fungsi, iaitu ciri-ciri penting dalam mengambil langkah mengubah daripada "dialek" kepada "bahasa" atau daripada vernakular kepada standard. Nombor (1) dan (2) berkaitan dengan norma, dan nombor

(3) dan (4) berkaitan dengan fungsi bahasa. Sebaliknya, nombor (i) dan (3) adalah berkaitan dengan masyarakat, iaitu unsur luaran daripada bahasa, dan nombor (2) dan (4) berkaitan dengan linguistik, iaitu unsur dalaman bahasa (Haugen 1983:270).

Model Haugen yang lain adalah seperti yang berikut (disesuaikan daripada Asmah 1978:61):



Rajah 3: Model Perancangan Bahasa oleh Haugen (1969)

Charles Ferguson (1968) mengenal pasti tiga dimensi yang sesuai untuk mengukur perkembangan atau kemajuan bahasa: iaitu (i) grafisasi (pengaksaraan atau penggunaan tulisan), (ii) standardisasi (perkembangan sesuatu norma yang mengatasi dialek-dialek sosial dan daerah), dan (iii) modernisasi (perkembangan saling terjemah dengan bahasa-bahasa yang lain dalam pelbagai mauduk dan bentuk ujaran yang mencirikan masyarakat moden yang bersifat industri, skular, yang berbeza strukturnya) (1968:28).

Sebelum itu, Ferguson (1962:23) mengemukakan dua dimensi untuk mengukur perkembangan bahasa, iaitu (i) penggunaan tulisan (utilization of writing) yang menggabungkan grafisasi dengan modernisasi, dan (ii) standardisasi.

Jiri Neustupny mengemukakan satu sistem jenis-jenis asas perlakuan terhadap masalah bahasa (treatment of language problems) pada tahun 1970 (Fishman 1974:37-48). Dua pendekatan perlakuan linguistik terhadap masalah-masalah bahasa menurut



Rajah 4: Dasar Perlakuan terhadap Masalah Bahasa Neustupny (1970)

Neustupny itu ialah (i) pendekatan dasar (policy approach), dan (ii) pendekatan pengembangan (cultivation approach).

Pendekatan dasar, atau yang juga dinamakan pendekatan sosiologis atau pendekatan makroskopik, meliputi aktiviti dan proses pemilihan bahasa kebangsaan, standardisasi, pembasmian buta huruf, sistem ejaan, dan masalah stratifikasi bahasa ke dalam variasi-variasi tertentu.

Pendekatan pengembangan, atau dikenali juga dengan pendekatan antropologis atau pendekatan mikroskopik, memusatkan perhatian kepada masalah betul tidaknya penggunaan bahasa, keefisienan, taraf bahasa yang memenuhi fungsi-fungsi khusus, masalah-masalah gaya bahasa, batas linguistik pada daya komunikasi, dan sebagainya.

Francis X. Karam (1974:108-112) mengemukakan dua skema program PB yang berdasarkan tiga asas aktiviti PB yang saling berhubungan, iaitu aktiviti perancangan, pelaksanaan dan penilaian:



Rajah 5: Model 1 oleh Karam (1974)

Perancangan mencakup segala pengumpulan data, survei linguistik dan sosiolinguistik, serta rancangan permulaan dan rancangan kemungkinan yang perlu bagi membuat keputusan berkaitan dengan pemilihan bahasa dan dasar bahasa. Kemudian, dibuat keputusan, dirumus strategi dan ditulis rancangan keseluruhan yang berkenaan. Pelaksanaan meliputi semua aktiviti yang perlu bagi menggerakkan rancangan tentang bahasa itu sendiri, iaitu identifikasi norma, kodifikasi norma (sistem ejaan, tatabahasa, kamus istilah dan kamus umum), dan penyebaran norma (dissemination of the norm) melalui institusi-institusi pendidikan dan bukan pendidikan. Penilaian pula melibatkan pengawalan (monitoring) dan penaksiran keputusan-keputusan daripada kedua-dua aktiviti perancangan dan pelaksanaan, termasuk perkembangan bahasa itu sendiri, dan menyediakan maklumat balas kepada kedua-dua perancangan dan pelaksanaan. Ketiga-tiga aktiviti itu berupa proses yang berulang-ulang kerana maklumat yang diterima tentang situasi bahasa menyediakan asas bagi perancangan fasa aktiviti seterusnya di samping bagi pengubah-suaian usaha-usaha pelaksanaan semasa (109-110).

Oleh sebab bahasa dan kebudayaan mengalami perubahan selepas sesekian waktu, pusingan proses perancangan itu berulang lagi kerana normanya diidentifikasikan, dikodifikasikan, dan disebarkan semula (gambarajah yang berikut).



Rajah 6: Model 2 oleh Karam (1974)

Joan Rubin (1971:217-257) mengemukakan dimensi yang agak penting dalam PB, iaitu penilaian (evaluation). Maklumat diperlukan untuk membolehkan para perancang membuat pemilihan-pemilihan di antara alternatif-alternatif dalam aktiviti formal yang didefinisikan sebagai perancangan yang dengannya ditentukan matlamat, dipilih cara, dan diramal hasilnya. Untuk ini, penilaian adalah satu proses yang melaluinya maklumat dapat disediakan untuk membantu menentukan jenis-jenis keputusan yang terbaik daripada pelbagai alternatif. Penilaian dianggap amat penting dalam menyediakan maklumat tentang variable-variable dalam tiga daripada empat peringkat PB, iaitu pengumpulan fakta (fact-finding), perancangan, pelaksanaan dan maklumat balas (feedback).



Rajah 7: Model oleh Joan Rubin (1971)

Pendekatan terhadap jenis dan program PB yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana yang dibicarakan di atas dapat menggambarkan masalah dan proses yang utama yang menjadi kerangka teori dalam PB yang dikaji sepanjang dua dekat yang lalu. Ulasan-ulasan yang dibuat oleh Fishman (1974; 1983) dan Haugen (1983) kemudiannya menunjukkan bahawa kebanyakan pendekatan tersebut saling bertindih dan saling melengkapi yang kesemuanya berpusat pada persoalan program penyelesaian masalah dasar bahasa (perancangan status) dan proses pengembangan bahasa (perancangan korpus).

Fishman (1974:79-81) menyebut bahawa dalam skema Neustupny (1970) terdapat empat persesuaian masalah-perancangan yang jelas dapat dilihat oleh Neustupny, iaitu seperti yang disusun dalam matriks yang berikut:

	1	2	3	4
Problem	Selection	Stability	Expansion	Differen-tiation
Process	Policy Decision	Codification	Elaboration	Cultivation

Rajah 8: Kesepadanan Masalah-Proses dalam Perancangan Bahasa menurut Neustupny tahun 1970 (Fishman 1974:79)

Dengan membandingkan model Neustupny (1970) dengan model Haugen (1966c) dan dengan skema Ferguson (1968), Fishman mendapati ada keharmonian di antara model Haugen dengan model Neustupny, dan berpendapat bahawa perancangan menurut Haugen dan Neustupny mengandung satu siri proses atau tindakan (actions) yang berkaitan dengan sesuatu kod tertentu, sedangkan perkembangan (development) menurut Ferguson adalah berhubungan dengan fungsi-fungsi sosial dan/atau pandangan-pandangan yang berhubungan dengan kod tersebut. Dengan demikian, skema tiga peringkat perkembangan oleh Ferguson dianggap sebagai keputusan. Pendekatan-pendekatan oleh Haugen, Neustupny dan Ferguson yang saling bertindih dan saling melengkapi itu dirumuskan oleh Fishman dalam penjadualan proses dan keputusan PB seperti yang berikut:

Resultants	Processes			
	Selection/ Implementation	Codification	Elaboration	Cultivation
Graphization	X	X	X	X
Standardization	X	X	X	X
Modernization	X	X	X	X

Rajah 9: Proses dan Keputusan daripada Proses Perancangan Bahasa (Fishman 1974:81)

Kemudian, dalam suatu kesempatan menilai modelnya semula, Haugen (1983) mengemukakan kenyataan bahawa keempat-empat langkah dalam modelnya tidak semestinya bersifat berurutan satu demi satu tetapi dapat berlaku serentak dan berpusing menurut waktu. Dengan menghuraikan modelnya semula, Haugen mengemukakan hujah-hujah yang dapat menunjukkan adanya keharmonian di antara modelnya dengan model-model yang diutarakan oleh Neustupny, Ferguson, Kloss (1969), Karam (1974), Rubin (1971) dan Garvin (1973) serta beberapa orang sarjana yang lain. Dengan demikian, Haugen mengemukakan satu model semakan, yang mencakup pandangan-pandangan penting daripada sarjana-sarjana tersebut tanpa mengubah kerangka asas daripada rancangannya yang asal, seperti yang berikut:

	Form (Policy Planning)	Function (Language Cultivation)
Society (Status Planning)	1. Selection (decision procedures) (a) identification of problems (b) allocation of norms	3. Implementation(1) (educational spread) (a) correction procedures (b) evaluation
Language (Corpus Planning)	2. Codification (Standardization procedures) (a) graphization (b) grammatication (c) lexication	4. Elaboration (functional development) (a) terminological modernization (b) stylistic development

Rajah 10: Model Haugen (1983:275)

1. Dalam tulisannya yang pertama kali disiarkan (1966c:933), Haugen menggunakan istilah "acceptance" untuk nombor (3) implementation.

***

1.2 Perancangan Status Bahasa

Daripada sudut rancangan bahasa, Perancangan Status Bahasa atau Perancangan Dasar Bahasa mengandung dua komponen utama, iaitu (i) dasar bahasa, dan (ii) pemilihan bahasa. Ini kerana PB itu adalah aktiviti yang dilaksanakan oleh mereka yang membuat dasar bahasa dan pemilihan bahasa.

1.2.1 Dasar Bahasa

Rancangan bahasa dilaksanakan melalui dasar-dasar yang dirumuskan, dikodifikasikan, dikembangkan dan dilaksanakan. Perumusan dasar bahasa adalah proses deliberation dan membuat keputusan. Kodifikasi, yang berlaku selepas perumusan dasar, merujuk kepada persediaan teknik dan strategi bagi dasar yang ditetapkan, termasuk memberikan perhatian kepada perasaan, sikap, nilai, kesetiaan, kecenderungan dan amalan daripada kedua-dua pembuat dasar dan penerima dasar. Pengembangan (elaboration) dasar bahasa adalah bermaksud pengembangan bahasa atau variasi bahasa yang terpilih itu ke dalam semua aktiviti yang kegunaannya sudah kelihatan. Pelaksanaan adalah prosedur yang digunakan untuk menghasilkan perubahan dalam bahasa yang membolehkan matlamat-matlamat dasar menjadi kenyataan, dan bagaimana rancangan digerakkan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan itu (Eastman 1983:7-8).

Perancang yang bertanggungjawab membuat dasar bahasa